

BH PILIH 2C 2 (emel)

# Sasaran sekolah satu sesi ditetap

## Pelaksanaan menyeluruh apabila keperluan, kemudahan cukup

Oleh Norfatimah Ahmad  
dan Abdul Razak Raaff  
bhnews@bharian.com.my

**T**EMERLOH: Kerajaan menetapkan sasaran untuk melaksanakan sekolah satu sesi secara menyeluruh apabila keperluan dan kemudahan infrastruktur serta tenaga pengajar mencukupi.

Pelaksanaan sekolah satu sesi itu bermaksud tempoh pembelajaran lebih anjal untuk murid dan guru, sekali gus dapat memberi tumpuan lebih kepada kegiatan kokurikulum.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ketika ini sudah ada antara 60 hingga 70 peratus sekolah rendah melaksanakan sekolah satu sesi, bagaimanapun pada peringkat sekolah menengah jumlahnya lebih rendah.

"Sekarang, jika sesi pagi tamat pada jam 1 tengah hari kerana ada sesi kedua selepas itu dan sukar untuk pelajar menumpukan kepada kegiatan kokurikulum.

"Jadi kesimpulannya, sekolah satu sesi ini memang ada faedahnya, cuma kita tidak pasti bila ia boleh dicapai," katanya pada sidang


media selepas majlis perjumpaan Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran dengan warga pendidik dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kerdau di sini, petang semalam.

Baru-baru ini, Pengerusi Panel Penasihat Sekolah Kluster Kecemerlangan, Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad menyarankan kerajaan melaksanakan persekolahan satu sesi dari jam 8 pagi hingga jam 4 petang dengan memperkenalkan jadual kerja anjal untuk guru supaya tiada beban kerja berlebihan.

Muhyiddin berkata, sekolah swasta misalnya tamat antara jam 3 atau 4 petang dan mereka turut menerapkan program sukan dan kokurikulum.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, Datuk Seri Najib Razak dan beliau akan menjelaskan mengenai implikasi jika rakyat terpengaruh dengan janji manis terkandung dalam Buku Jingga yang dilancarkan pembangkang pada siri turun padang Perdana Menteri ke seluruh negara.

Kita (Barisan Nasional) tidak bimbang dengan Buku



MUHYIDDIN menyampaikan sumbangan Program Khidmat Masyarakat Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional kepada seorang penerima yang cacat penglihatan, Teo Guan pada majlis perjumpaan dengan warga pendidik dan PIBG Parlimen Kuala Krau di Temerloh, semalam. Turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob (kiri); Pengerusi PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said (tengah) dan calon BN DUN Kerdau, Syed Ibrahim Syed Ahmad.

Jingga, cuma nanti sampai ke satu peringkat, Perdana Menteri dan saya akan ulas satu persatu supaya jangan ada pihak yang terpedaya dengan tarikan yang agak besar yang kononnya ditawarkan pembangkang.

Sementara itu, beliau kesal dengan dakwaan tidak berasas pihak pembangkang yang mendakwa kerajaan kini tidak mempunyai wang

dan terpaksa menambah sumber pendapatan menerusi saman ekor.

Katanya saman ekor adalah berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang jalan raya dan pesalah trafik perlu menjelaskan kompaun.

"Ini bukan soal kerajaan ada duit atau tak ada duit dan juga bukan soal politik," katanya ketika ditemui pembe-

rita selepas menyampaikan ceramah di kampung Kuala Tekal, dekat sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas ceramah sebagai pembangkang yang berkempen mendakwa kerajaan kini kehabisan wang untuk mentadbir negara sehingga terpaksa memungut wang daripada pesalah jalan raya.

MOHD FADLI HAMZAH | BERITA HARIAN